



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PELAN STRATEGIK JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA 2026-2030

DOSM Pacu Reformasi Statistik Negara melalui Pelan Strategik DOSM 2026-2030.

PUTRAJAYA, 9 FEBRUARI 2026 – Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2026-2030 (PSJ DOSM 2026-2030) telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir bin Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, bertempat di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), hari ini.

PSJ DOSM 2026-2030 yang baru mengekalkan **Visi “Peneraju Perkhidmatan Statistik demi Kesejahteraan Sejagat”** dan **Moto “Statistik Nadi Kehidupan”** sebagai kesinambungan aspirasi jangka panjang DOSM serta komitmen berterusan Jabatan sebagai peneraju Sistem Statistik Negara yang menyokong pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat melalui statistik rasmi yang diyakini. **Misi “Menghasilkan statistik yang berkualiti, bertepatan masa dan dipercayai untuk menyokong keputusan berasaskan data”** diperbaharui bagi memberi penegasan peranan DOSM sebagai penyedia statistik rasmi yang dapat memenuhi dan menyokong pembuatan keputusan strategik Kerajaan melalui penyediaan data dan statistik yang sahih dan relevan.

Pelan strategik ini merupakan dokumen rujukan utama yang merangka aspirasi, hala tuju serta strategi pembangunan jabatan secara menyeluruh bagi tempoh **lima (5) tahun** akan datang. Pelan strategik ini menetapkan **empat (4) Teras Strategik** utama sebagai landasan pelaksanaan transformasi organisasi, iaitu **Teras Strategik 1: Keberhasilan Produk dan Perkhidmatan Statistik yang Inovatif dan Responsif untuk Keputusan yang Strategik dan Berimpak**; **Teras Strategik 2: Transformasi Digital Sistem Penyampaian Statistik**; **Teras Strategik 3: Pembangunan Kapasiti Modal Insan**; dan **Teras Strategik 4: Pemerkasaan Sistem Statistik Negara**.

Menurut YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, pelan strategik baharu ini adalah kesinambungan daripada PSJ 2021-2025 terhadap pelaksanaan strategi, program dan aktiviti yang telah digariskan; selain menjadi platform penyelarasan awal bagi memastikan pelaksanaan pelan strategik yang bersepadu, terselaras dan selari di

semua peringkat; serta memacu pembentukan budaya kerja yang berdisiplin, berprestasi tinggi serta berorientasikan hasil, selaras dengan aspirasi **Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13)** yang menekankan **Year of Execution**. PSJ DOSM 2026-2030 terus memberi fokus kepada pemodenan sistem statistik, pemerkasaan modal insan, peluasan akses kepada data, pengukuhan tadbir urus data serta pemantapan kerjasama strategik bersama kementerian, agensi dan pihak berkepentingan. Di samping itu, strategi ke arah memperkukuh kapasiti organisasi, meningkatkan keupayaan teknologi, memperluas penggunaan analitik lanjutan serta memacu inovasi dalam penyampaian statistik turut diberi tumpuan utama.

Pelan strategik ini diselaraskan sepenuhnya dengan aspirasi **RMK13** dan dasar utama kerajaan yang lain yang menekankan pembangunan berasaskan data, pemerkasaan teknologi digital dan peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. PSJ DOSM 2026-2030 menyokong teras pembangunan negara yang berfokus kepada pemulihan ekonomi, kesejahteraan rakyat, kelestarian alam sekitar serta pengukuhan tadbir urus berintegriti. Dalam konteks ini, peranan DOSM sebagai peneraju sistem statistik negara adalah amat penting bagi memastikan statistik rasmi terus relevan, responsif dan menyokong pembuatan dasar yang berkesan.

PSJ DOSM 2026-2030 turut memperkukuh peranan Jabatan sebagai **peneraju statistik di peringkat antarabangsa**, selari dengan kejayaan **Malaysia** yang buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh **Open Data Watch (ODW)**, mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23. Kejayaan ini mencerminkan tahap keterbukaan, kualiti dan kebolegunaan data rasmi negara yang diiktiraf di peringkat global.

Dalam tempoh pelan strategik ini, peranan DOSM dalam **kerjasama strategik antarabangsa** bersama organisasi seperti **United Nations Statistical Commission (UNSC)** dan **United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP)** serta rakan strategik antarabangsa lain akan terus diperkukuh bagi memastikan statistik Malaysia kekal relevan, setanding dan berdaya saing di persada dunia. Kerjasama global ini menjadi semakin kritikal dalam landskap **ekonomi terbuka** yang kian kompleks, dicirikan oleh kemunculan pelbagai instrumen ekonomi baharu, peningkatan kepesatan **ekonomi digital**, pembangunan **pusat data (data centre)**, serta pelaksanaan kerangka perakaunan negara yang lebih maju termasuk **Sistem Akaun Negara 2025 (2025 SNA) yang baharu**.

Sebagai menoleh ke belakang, DOSM telah menghasilkan **sebanyak 7,335 penerbitan statistik bagi tempoh 2018 hingga 2025** dan jumlah ini meningkat kepada **7,356 penerbitan sehingga Januari 2026**, mencerminkan kesinambungan penyediaan statistik yang berkualiti, bertepatan masa dan

dipercayai. Seiring dengan agenda pendigitalan perkhidmatan statistik, DOSM telah menyediakan **37 perkhidmatan digital**, merangkumi **12 portal data**, **15 papan pemuka Dashboard** dan **10 visual interaktif** bagi meningkatkan akses dan kefahaman pengguna terhadap statistik rasmi. **Permintaan data melalui eStatistik** merekodkan **sebanyak 13,214 permintaan bagi tahun 2021 hingga 2025** sekali gus menunjukkan tahap kebergantungan dan penggunaan data rasmi yang tinggi dalam kalangan pembuat dasar, penyelidik dan pihak berkepentingan. Pencapaian ini membuktikan keupayaan DOSM dalam memperkasa ekosistem data negara serta menyokong pembuatan keputusan berasaskan bukti secara menyeluruh.

PSJ DOSM 2026-2030 akan terus memacu penyediaan statistik strategik yang menyokong aspirasi negara **ke arah status negara berpendapatan tinggi**. Fokus diberikan kepada penyediaan statistik strategik bagi memantau indikator utama seperti **GNI per kapita**, **produktiviti buruh**, sumbangan **ekonomi digital**, serta **ekonomi hijau dan kelestarian**.

Melangkah ke hadapan, YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan berharap agar seluruh warga jabatan terus memberikan komitmen berterusan dalam melaksanakan setiap strategi dan inisiatif yang telah digariskan. Diharapkan **PSJ DOSM 2026-2030** menjadi pemacu kepada transformasi statistik negara yang lebih progresif, berdaya saing dan berorientasikan masa depan, demi menyokong pembangunan Malaysia yang inklusif, mampan dan berasaskan bukti serta kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema "**Data Nadi Ekonomi Rakyat**". Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Kerajaan Malaysia turut mengisytiharkan **20 Oktober** sebagai **Hari Statistik Negara (MyStats Day)** yang disambut setiap tahun dengan tema "**Statistik Nadi Kehidupan**", sebagai pengiktirafan terhadap peranan penting statistik dalam pembangunan negara.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 FEBRUARI 2026